



# KENYATAAN MEDIA

**UNTUK EDARAN SEGERA**

## CIDB KETUAI DELEGASI INDUSTRI PEMBINAAN KE JAKARTA

**JAKARTA INDONESIA (18 September 2024)** – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah mengetuai delegasi 12 penggiat industri pembinaan Malaysia yang diketuai oleh Puan Zainora Zainal, Timbalan Ketua Eksekutif II, CIDB Malaysia. Syarikat dan agensi berkaitan pembinaan ini mengambil bahagian sebagai peserta pameran di bawah Pavilion CIDB di acara *Construction Indonesia 2024* (CI2024) yang diadakan di Eksopo Antarabangsa Jakarta (Jlexpo) pada 11 hingga 14 September 2024. Penyertaan ini bertujuan mempamerkan kapasiti dan keupayaan serta meningkatkan hubungan rangkaian perniagaan domestik dengan penggiat antarabangsa khususnya di Indonesia.

Antara produk dan perkhidmatan yang dipamerkan di bawah pavilion ini ialah *Industrialised Building Systems* (IBS); penyedia penyelesaian perkhidmatan; *Building Information Modelling* (BIM); perunding projek; kejuruteraan pembinaan; bahan binaan dan jentera termaju; badan pensijilan; dan teknologi pembinaan lain yang berkaitan. Syarikat dan agensi pemamer tersebut adalah:

1. SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
2. Nord-Lock Group
3. RBM Building Machinery Trading Sdn. Bhd.

4. DML Products Sdn. Bhd.
5. Traffic Engineering Sdn. Bhd.
6. Dazztech Solutions Sdn. Bhd.
7. Kung Fuu Paint Sdn. Bhd.
8. HAPM Consultants Sdn. Bhd.
9. GreenRE Sdn. Bhd.
10. PLYTEC Formwork System Industries Sdn. Bhd.
11. CIDB E-Construct Services Sdn. Bhd.
12. CIDB IBS Sdn. Bhd.

Pada hari pertama acara pameran berlangsung, satu sesi rundingan perniagaan telah diadakan bersama PT Karunia Adhi Pradana, sebuah agensi pakar yang memberikan perkhidmatan perundingan kepada badan kerajaan dan swasta berkaitan pembinaan, pembangunan infrastruktur dan menarik pelaburan ke Indonesia. Antara perkara yang dibincangkan adalah potensi melaksanakan projek antara Malaysia dan Indonesia.

Hari kedua pameran pada 12 September 2024, menyaksikan satu sesi Jalinan Perniagaan Malaysia-Indonesia bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan pembinaan Malaysia. Sesi ini melibatkan 14 penggiat industri pembinaan Indonesia seperti kontraktor; perunding; pengurus projek; dan pengilang selain dijadikan sebagai platform interaksi pertukaran informasi mengenai kepakaran agensi dan syarikat masing-masing. Puan Zainora Zainal, Timbalan Ketua Eksekutif II, CIDB telah memberikan ucapan pembukaan bagi pihak Malaysia, manakala Dr. Wahyu Bambang, *Head of Advance Research, National Research and Innovation Agency*, Indonesia telah mewakili pihak Indonesia.

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my).

---

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---

**Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:**

**CIDB Malaysia**

*Noraini Fadzil* [noraini.fadzil@cidb.gov.my](mailto:noraini.fadzil@cidb.gov.my)

03-6206 7119

*Muhammad Nurhan Shafik* [shafik@cidb.gov.my](mailto:shafik@cidb.gov.my)

03-6206 7129